

13/06/2001

79 sertai pertandingan

PENGANJUR Venture 2001 menerima 79 penyertaan apabila fasa ketiga pertandingan rancangan perniagaan dalam sektor teknologi maklumat, internet dan e-dagang itu ditutup 25 Mei lalu.

Pengadilan bagi memilih pemegang bagi fasa berkenaan kini sedang dijalankan, dan nama 10 pemenang akan diumumkan pada 28 Jun ini, kata kenyataan penganjur pertandingan itu semalam.

Pemegang pertama akan menerima hadiah wang tunai RM30,000, kedua RM20,000 manakala pemegang ketiga RM10,000.

Tujuh pemenang lain masing-masing akan menerima hadiah wang tunai RM5,000.

Venture 2001 dianjurkan bersama oleh Mesdaq Bhd, McKinsey & Company, Malaysia dan Malaysian Institute of Management. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung pertandingan berkenaan.

(END)